

# Malaysia, Russia tingkat kerjasama

BH 6 AUG 2003

Oleh Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Hubungan Malaysia-Russia memasuki era baru dengan kedua-dua negara berikrar meningkatkan kerjasama terutama dalam bidang pertahanan, aeroangkasa, ekonomi, pendidikan dan usaha memerangi keganasan.

Malaysia menganggap Russia berperanan penting memastikan dunia lebih selamat khususnya bagi negara kecil daripada menjadi mangsa dominasi persekitaran unipolar ketika ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, jika suatu ketika dulu, Malaysia tidak bersetuju dengan apa saja dilakukan Russia, Kuala Lumpur kini mendapati dasar luar Moscow sama dengan dasar luarnya.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, Malaysia bercanggah pendapat dengan negara yang selama ini menjadi sekutu tradisional.

---

## Sedia jadi pintu masuk produk Russia

Rakyat Malaysia diberi keistimewaan

---

Muka 2

“Jadi kita melihat kepada Russia bagi menjadikan dunia kurang digeruni untuk negara kecil seperti Malaysia,” katanya ketika berucap selepas menerima anugerah tertinggi Russia, *Order of Friendship* daripada Presiden Vladimir Putin di Jabatan Perdana Menteri, di sini petang semalam.

*Order of Friendship* diberikan kepada Dr Mahathir atas sumbangannya bukan saja dalam mengukuhkan hubungan kedua-dua negara, malah pengiktirafan kepada Perdana Menteri dalam memperjuangkan keadilan sejagat.

Putin yang tiba di sini petang kelmarin untuk lawatan rasmi dua hari, diberikan sambutan negara di pekaraangan Bangunan Parlimen.

Ketibaan Putin, Presiden Russia pertama melakukan lawatan rasmi ke negara ini disambut Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Beliau kemudian mengunjungi Dr Mahathir di Pejabat Perdana Menteri dan menyampaikan anugerah itu, diikuti pertemuan empat mata selama 80 minit sebelum kedua-duanya mengadakan mesyuarat delegasi.

# KL, Moscow sepakat sokong sistem multipolar

## ✦ DARI MUKA 1

Kedua-dua pemimpin selepas itu menyaksikan majlis menandatangani dua perjanjian serta kontrak bernilai AS\$900 juta bagi pembelian 18 pesawat perang Sukhoi yang dihantar mulai 2006.

Dr Mahathir berkata, dunia unipolar akan menjadi penyebab banyak kesilapan dan kerana itu, Malaysia dan Russia sependapat bahawa dunia multipolar adalah lebih baik.

Perdana Menteri berkata, sejak kebelakangan ini, hubungan antara Russia dan Malaysia telah dipertingkatkan dan kedua-dua negara kini menikmati hubungan lebih mesra.

"Bagi Malaysia, kita mahu bermesra dengan semua negara tidak kira ideologi dan dasar negara itu," katanya sambil menyifatkan anugerah yang diterimanya itu sebagai satu penghargaan pada dirinya dan Ma-

laysia, manakala lawatan Putin adalah detik penting dalam hubungan erat kedua-dua negara.

"Kami percaya selepas lawatan anda, interaksi antara kita akan lebih baik dan lebih banyak interaksi ekonomi pada masa depan. Ini akan memanfaatkan kedua-dua negara.

"Saya menerima anugerah ini kerana ia melambangkan persahabatan antara Malaysia dan Russia serta pengukuhan persahabatan ini pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Putin berkata penghargaan itu adalah pengiktirafan Moscow terhadap sumbangan khas Dr Mahathir dalam mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

"Ia juga pengiktirafan terhadap sumbangan besar Dr Mahathir dalam memastikan keamanan antarabangsa," katanya sambil menegaskan sumbangan lebih 20 tahun Perdana Menteri berjaya menggalakkan

hubungan dan kerjasama dua hala dan pelbagai hala.

"Anda bukan saja berjaya mengekalkan hubungan baik yang terjalin tetapi juga membawanya ke peringkat lebih tinggi. Russia juga menghormati sumbangan Dr Mahathir dalam mewujudkan sistem hubungan antarabangsa yang lebih baik," katanya.

Pada sidang akhbar selepas pertemuan kedua-dua pemimpin itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Dr Mahathir dan Putin sepakat dalam pelbagai isu antarabangsa terutama Iraq.

Beliau berkata, Presiden Russia berpendapat dunia multipolar dan sistem multilateral adalah cara terbaik dan harus menjadi kaedah utama menangani keadaan selepas perang di Iraq.

"Kedua-dua pemimpin bersetuju cara terbaik bagi membantu Iraq adalah supaya kawalan sepenuhnya diberikan kepada Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (PBB) dan bukan tentera bersekutu seperti sekarang.

"Mereka juga sependapat tiada senjata pemusnah Besar-besara (WMD) ditemui dan serangan berseendirian terhadap Iraq bukan tindakan paling baik. Dr Mahathir juga memberitahu Putin bahawa Malaysia tidak akan terbabit dalam sebarang usaha pembangunan semula Iraq kecuali bagi bantuan kemanusiaan," katanya.

Mengenai Chechnya, Syed Hamid berkata, perkara itu ada dibincangkan kedua-dua pemimpin dan Malaysia berpendapat ia adalah isu dalaman Russia.

"Malaysia mengiktiraf Chechnya sebagai sebahagian Russia dan menyambut baik pemberian lebih banyak kuasa autonomi kepada wilayah itu. Kita juga menghantar pemerhati dan berpuas hati dengan hasil punggutan suara yang diadakan," katanya.